

06/05/2002

Umno sambut ulang tahun ke-56 Sabtu ini

BANTING, Ahad - Umno akan menyambut ulang tahun penubuhannya ke-56, di Stadium Malawati, Shah Alam Sabtu ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (gambar) berkata Selangor dipilih sebagai tuan rumah bagi sambutan yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga akan menyampaikan amanat penting kepada pemimpin dan ahli Umno serta kira-kira 14,000 rakyat yang dijangka hadir.

"Dalam sambutan itu, kita akan mengimbas kembali sejarah penubuhan UMNO, parti yang mendominasi pemerintahan negara ini sejak merdeka hingga kini," katanya ketika merasmikan Pesta Morib 2002, di sini hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata, rakyat setempat juga diminta hadir memberi sokongan terhadap Dr Mahathir yang dijadualkan menemui Presiden Bush pada malamnya.

"Perdana Menteri akan berlepas ke Amerika Syarikat pada malam selepas sambutan itu bagi menyuarakan bantahan mengenai kekejaman Israel terhadap penduduk Palestin.

"Kehadiran rakyat dalam sambutan ini dapat ditakrifkan sebagai mandat rakyat yang memberikan mesej cintakan keamanan dan menolak apa juga bentuk kekerasan terhadap manusia," katanya.

(END)